

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG KAH WOH**  
**[IPOH TIMUR]**  
**TARIKH : 17 JULAI 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 9**

**Y.B. TUAN WONG KAH WOH [ IPOH TIMUR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah RPGT yang telah dikutip untuk pelupusan hartanah melebihi 5 tahun sejak pelaksanaannya pada 1 Januari 2019 sehingga sekarang. Apakah taraf pencapaian kutipan cukai ini berbanding dengan jumlah yang disasarkan dalam Belanjawan 2019.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan dalam Belanjawan 2019 telah menaikkan kadar Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) bagi pelupusan hartanah dan saham dalam syarikat hartanah yang dibuat dalam tahun ke-6 dan tahun seterusnya seperti berikut:

1. Bagi syarikat dan individu bukan warganegara, kadar CKHT dinaikkan daripada 5% kepada 10%; dan
2. Bagi individu warganegara Malaysia dan pemastautin tetap, kadar CKHT dinaikkan daripada 0% kepada 5%.

Setakat 9 Julai 2019, Kerajaan telah memperolehi sebanyak RM91.868 juta bagi CKHT melalui aktiviti pelupusan hartanah untuk tempoh pegangan yang melebihi 5 tahun. Pecahan kutipan CKHT ini mengikut kategori adalah seperti berikut:

<b>Kategori pelupus</b>	<b>Bilangan pelupusan</b>	<b>Kutipan CKHT (RM)</b>
Syarikat	553	60,636,373.17
Individu warganegara dan pemastautin tetap	3,760	29,143,264.95
Individu bukan warganegara dan bukan pemastautin tetap	211	2,088,239.40
<b>Jumlah</b>	<b>4,524</b>	<b>91,867,877.52</b>

Pasa masa ini, tambahan hasil sebanyak RM91.87 juta melalui kutipan CKHT telah membantu mencapai hasrat Kerajaan untuk meningkatkan hasil negara. Namun begitu, jumlah kutipan ini pada masa hadapan turut bergantung kepada kestabilan dan prestasi pasaran hartanah negara.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA DR. MAXIMUS  
JOHNITY ONGKILI [KOTA MARUDU]**

**TARIKH : 17.7.2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 10**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status terkini pembinaan Jalan Kota Marudu-Samparita-Sungai Magandai, Kota Marudu yang telah diluluskan sebelum ini. Bilakah projek ini akan dimulakan pelaksanaannya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Jalan Samparita - Jalan Sonsogon Magandai, Kota Marudu, Sabah telah disenaraikan dan diluluskan dalam permohonan pelaksanaan Projek Jalan Luar Bandar di bawah RMKe-11, RP 3 Tahun 2018 dengan kos sebanyak RM 279.0 juta dan skop menaiktaraf dan membina jalan sepanjang 40 km dengan lebar jalan berturap 6.0meter serta membina jambatan sepanjang 40 meter dengan lebar 10.9 meter. Status terkini projek adalah di peringkat rekabentuk. Projek dijangka tender pada bulan November 2019 dan pelaksanaan projek dijangka siap pada 2023. Projek ini juga dijangkakan dapat memberikan manfaat kepada 27 buah kampung dan 9,000 orang penduduk.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHAN MING KAI [ ALOR SETAR ]**

**TARIKH : 17 JULAI 2019 [ RABU ]**

**SOALAN NO. 11**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan lot Bumiputera dan bukan Bumiputera bagi rumah kos rendah dan rumah mampu milik yang telah dijual dan masih kosong di setiap negeri.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tiada maklumat yang komprehensif mengenai statistik lot Bumiputera dan bukan Bumiputera bagi rumah kos rendah dan rumah mampu milik yang telah dijual dan masih kosong. Justeru melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN), Kementerian sedang membangunkan sistem pengumpulan maklumat bumiputera iaitu Housing Integrated Management System (HIMS) bagi mengkoordinasikan maklumat perumahan secara menyeluruh.

2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menfokuskan pelaksanaan Rumah Mampu Milik (RMM) kepada semua kategori masyarakat terutamanya kepada golongan bumiputera mengikut kelayakan pemohon. Di bawah RMM melalui Program Perumahan Rakyat (PPR), status penjualan PPR Dimiliki sehingga Jun 2019 mengikut negeri adalah seperti berikut :-

Bil	Negeri	Projek	Jumlah Unit Rumah	Jumlah Unit Dijual	%	Jumlah Unit Belum Jual	%	Catatan
Strata								
1	W.P. Kuala Lumpur	PPR Kepong	1,600	1,426	89.13%	174	10.86%	
2	Selangor	PPR Lembah Subang 2	738	738	100%	0	0%	
3	Melaka	PPR Sg Putat, Batu Berendam	336	336	100%	0	0%	
Teres								
1	Pahang (27)	Semua Projek PPR Pahang	3,668	3,462	94.38%	206	5.62%	206 dalam proses pinjaman
2	Sarawak	PPR Lambir	505	503	99.6%	2	0.4%	
3		PPR Samarahan	180	161	89.44%	19	10.56%	
4		PPR Sg. Tengah	439	437	99.54%	2	0.46%	
5	Kedah	PPR Mukim Naga	312	0	0%	312	100%	Dicadangkan untuk tukar kepada RTO
6	Perak	Sri Iskandar	99	99	100%	0	0%	
<b>Jumlah</b>			<b>7,877</b>	<b>7,162</b>	<b>90.92%</b>	<b>715</b>	<b>9.08</b>	

3. Daripada maklumat tersebut sebanyak 7,162 unit rumah (90.92%) PPR Dimiliki telah dijual kepada pemohon yang layak manakala baki 715 unit rumah (9.08%) belum dijual di seluruh negara di mana unit ini masih dalam peringkat pengisian dan juga pembeli dalam proses permohonan pinjaman perumahan. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI  
ZAKARIA [ PARIT ]**

**TARIKH : 17 JULAI 2019**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan:

- a) apakah usaha yang akan dilaksanakan oleh Kementerian dalam memperkasakan serta mempertingkatkan kualiti pameran muzium di seluruh negara; dan
- b) adakah terdapat sebarang cadangan oleh pihak Kementerian untuk menjadikan muzium sebagai salah satu tarikan Tahun Melawat Malaysia 2020.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tujuan menjadikan muzium sebagai salah satu tarikan sempena Tahun Melawat Malaysia 2020 Jabatan Muzium Malaysia (JMM) di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah merangka pelbagai program khas yang menarik. Di antara pameran yang dijangka menarik perhatian ramai ialah Pameran Kerajaan Firaun yang akan mempamerkan koleksi terpilih Firaun dari Mesir, Pameran *The Lost Kingdom*, Pesona Malaysia dan pameran khas berkaitan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong. JMM juga akan melaksanakan program

## NO. SOALAN : 12

Textile Gala: Apresiasi Seni Teragong Malaysia di samping meneruskan program *signature* tahunan JMM yang sering mendapat sambutan ramai setiap tahun iaitu Sambutan Hari Muzium Antarabangsa, Program Nostalgia Anak Kampung, Museum Night Trails, Bermalam di Muzium dan pelbagai lagi program dan aktiviti berunsurkan warisan, sejarah dan budaya di 20 buah muzium di bawah pentadbiran JMM.

Kementerian juga menerusi JMM menggalakkan penglibatan semua muzium negeri/swasta/institusi untuk mengenalpasti dan melaksanakan pelbagai program/aktiviti yang berpotensi menarik lebih ramai kedatangan pelancong sama ada dalam atau luar negara untuk bersama-sama menjayakan VM2020.

Tuan Yang di-Pertua,

JMM juga sentiasa memperkasa serta mempertingkatkan kualiti pameran muzium di seluruh negara. Dari semasa ke semasa, Jabatan Muzium Malaysia menggunakan teknologi terkini seperti muzium maya, 6 Dimensi, kiosk interaktif, *Augmented Reality* (AR), QR Code dan sebagainya terutama dalam pameran sementara. Walaupun pihak Jabatan berhasrat untuk mengaplikasikan lebih banyak teknologi terkini namun sebarang teknologi yang canggih akan melibatkan peruntukan yang besar dan penyelenggaraan yang khusus. Dalam usaha mempertingkatkan kualiti pameran, peruntukan khas sebanyak RM42 juta dibawah bantuan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab kepada muzium-muzium negeri juga telah diperuntukkan.

Sekian, terima kasih.